

20 MAY 2002

SC-PELANTIKAN/I

ABDUL ALIM DILANTIK SEBAGAI AHLI SC BARU

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Pendaftar Syarikat), Abdul Alim Abdullah telah dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Sekuriti (SC), berkuatkuasa 18 Mei, 2002, demikian diumumkan oleh SC hari ini.

Abdul Alim, 53, merupakan Barrister-at-law (Lincoln's Inn London) menggantikan Habibah Abdul, yang telah dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Sekuriti pada 18 Mei, 1999.

Sebelum menyertai Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 1 April, 2002, Abdul Alim merupakan pengerusi Mahkamah Industri Kuala Lumpur.

Beliau juga merupakan Penasihat Undang-undang Kementerian Dalam Negeri (1996-2000) serta Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Johor (1992-1996).

Pelantikannya dibuat oleh Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga merupakan Perdana Menteri, sejajar dengan Seksyen 4 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. -- BERNAMA

AFY FR AA